



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN AMALAN PROFESIONAL
TENAGA PENGAJAR KOLEJ VOKASIONAL DAN SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK DI NEGERI PERAK

ERYZAL JUMAIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS
PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini berhasrat untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional dalam kalangan tenaga pengajar kolej vokasional dan sekolah menengah teknik di negeri Perak. Borang tinjauan soal selidik telah dibina berasaskan kepada Standards Guru Malaysia. Sejumlah 162 responden telah dipilih secara persampelan rawak berlapis. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti frekuensi, min, sisihan piawai, ujian-t dan Anova. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional tenaga pengajar adalah tinggi. Kajian ini juga menunjukkan aspek pengetahuan, kemahiran dan amalan profesional dalam kalangan tenaga pengajar tidak berbeza secara signifikan berdasarkan faktor jantina, umur, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan subjek mengajar. Kesimpulan kajian adalah tenaga pengajar memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Standards Guru Malaysia. Kajian ini juga memberi implikasi bahawa tenaga pengajar tanpa mengira latar belakang demografi bersedia mengikuti kursus yang dapat meningkatkan kompetensi dan profesionalisme mereka.





KNOWLEDGE, SKILLS AND PROFESIONAL PRACTICES OF INSTRUCTORS IN VOCATIONAL COLLEGES AND SECONDARY TECHNICAL SCHOOLS IN PERAK

ABSTRACT

This study was intended to determine the levels of knowledge, skills and professional practices among intructors in vocational colleges and secondary technical schools in the state of Perak. A survey questionnaire was developed based on Malaysian Teachers Standards. A total of 162 respondents was selected through stratified random sampling. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics such as frequency, mean, standard deviation, t-test and Anova. The study showed that the levels of knowledge, skills, and professional practices among instructors were high. This study also revealed that intructors' knowledge, skills and professional practices did not differ significantly among instructors based on gender, age, academic qualifications, teaching experiences and subjects taught. The results of the study conclude that instructors meet the requirements set by Malaysian Teacher Standards. The study implied that intructors regardless of their demographic background, are prepared to undergo courses that will enhance their competency and professionalism.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Pernyataan Masalah	12
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Signifikan Kajian	16



1.7.1	Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pelajaran Malaysia	16
1.7.2	Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik	16
1.7.3	Tenaga Pengajar	17
1.8	Kerangka Konseptual	17
1.9	Defenisi Operasional	20
1.9.1	Pengetahuan	20
1.9.2	Kemahiran	20
1.9.3	Amalan Profesional	21
1.9.4	Standard Guru Malaysia	21
1.9.5	Tenaga Pengajar	21
1.9.6	Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah teknik	22
1.10	Batasan Kajian	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Transformasi Pendidikan Vokasional	24
2.3	Pengetahuan	27
2.3.1	Peranan Pengetahuan Tenaga Pengajar Dalam Pengajaran Berkesan	30
2.4	Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	32
2.5	Amalan Profesional	38
2.6	Standard Guru Malaysia (SGM)	41
2.6.1	Pengertian Standard Guru Malaysia	41

2.6.2	Perincian Standard Guru Malaysia	43
2.6.3	Asas Penentuan Standard Guru Malaysia	46
2.7	Etika Profesyen Keguruan	48
2.8	Standard Guru di Luar Negara	49
2.8.1	Standard Guru Amerika Syarikat	49
2.8.2	Standard Guru United Kingdom	50
2.8.3	Standard Guru Thailand	50
2.9	Peranan Tenaga Pengajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
2.10	Kajian Lepas	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Skop Kajian	62
3.4	Prosedur Kajian	63
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	64
3.5.1	Populasi kajian	64
3.5.2	Sampel Kajian	65
3.6	Instrumen Kajian	65
3.6.1	Instrumen Kajian: Soal Selidik Bahagian A	66
3.6.2	Instrumen Kajian: Soal Selidik Bahagian B	66
3.6.3	Instrumen Kajian: Soal Selidik Bahagian C	66
3.6.4	Instrumen Kajian: Soal Selidik Bahagian D	67

3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	67
3.8	Kajian Rintis	69
3.9	Pengumpulan dan Analisis Data	70
3.9.1	Pengumpulan Data	71
3.9.2	Analisis Data	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	74
4.2	Analisis Deskriptif	75
4.2.1	Demografi Responden	75
4.2.2	Jantina	76
4.2.3	Umur	77
4.2.4	Kelulusan Akademik	78
4.2.5	Pengalaman Mengajar	79
4.2.6	Subjek Mengajar	79
4.2.7	Pengetahuan Tenaga Pengajar	80
4.2.8	Kemahiran Tenaga Pengajar	86
4.2.9	Amalan Profesional Tenaga Pengajar	90
4.2.9.1	Domain Diri	91
4.2.9.2	Domain Profesyen	94
4.2.9.3	Domain Sosial	96
4.2.9.4	Analisis Gabungan (Domain Diri, Domain Profesyen, Domain Sosial)	98



4.3	Perbezaan Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Profesional Tenaga Pengajar Berdasarkan Faktor Demografi Terpilih Responden	99
4.4	Rumusan	104

BAB 5 PENUTUP

5.1	Pengenalan	105
5.2	Ringkasan	105
5.3	Perbincangan	107
5.4	Kesimpulan	117
5.5	Cadangan	118
5.5.1	Penggubal dan Pelaksana Dasar	118
5.5.2	Penyelidikan Masa Hadapan	120

	RUJUKAN	121
--	----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

2.1	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	36
3.1	Taburan Populasi Tenaga Pengajar	64
3.2	Skala Likert Lima Mata	67
3.3	Taksiran Nilai Pekali Alpha Cronbach	69
3.4	Keputusan Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	70
3.5	Pemeringkatan Skor Min dan Tahap	72
4.1	Taburan Jantina Responden	76
4.2	Taburan Umur Responden	77
4.3	Taburan Kelulusan Akademik Responden	78
4.4	Taburan Pengalaman Mengajar Responden	79
4.5	Taburan Subjek Mengajar	80
4.6	Taburan Tahap Pengetahuan Tenaga Pengajar	83
4.7	Taburan Tahap Kemahiran Tenaga Pengajar	88
4.8	Taburan Tahap Amalan Profesional Tenaga Pengajar Dari Segi Domain Diri	92
4.9	Taburan Tahap Amalan Profesional Tenaga Pengajar Dari Segi Domain Profesyen	95
4.10	Taburan Tahap Amalan Profesional Tenaga Pengajar	

	Dari Segi Dari Segi Domain Sosial	97
4.11	Analisis Gubungan (Domain Diri, Domain Profesyen, dan Domain Sosial)	98
4.12	Perbezaan Amalan Profesional, Pengetahuan dan Kemahiran Tenaga Pengajar Mengikut Jantina	100
4.13	Perbezaan Amalan Profesional, Pengetahuan dan Kemahiran Tenaga Pengajar Mengikut Subjek Mengajar	101
4.14	Perbezaan Amalan Profesional, Pengetahuan dan Kemahiran Tenaga Pengajar Berdasarkan Faktor Umur	102
4.15	Perbezaan Amalan Profesional, Pengetahuan dan Kemahiran Tenaga Pengajar Berdasarkan Faktor Kelulusan Akademik	103
4.16	Perbezaan Amalan Profesional, Pengetahuan dan Kemahiran Tenaga Pengajar Berdasarkan Faktor Pengalaman Mengajar	104



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

Kerangka Konseptual Kajian

19



**SENARAI SINGKATAN**

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsfah Pendidikan Kebangsaan
GPS	Gred Purata Sekolah
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KV	Kolej Vokasional
MQF	Malaysia Qualifications Framework
P&P	Pengajaran dan Pemebelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SGM	Standard Guru Malaysia
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TDA	Training and Development Agency



TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UK	United Kingdom
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan



SENARAI LAMPIRAN

1. Soal selidik
2. Kesahan Soal Selidik Oleh Pakar
3. Kebolehpercayaan Soal Selidik
4. Saiz Populasi Mengikut Krecjie & Morgan
5. Kelulusan Pembentangan Cadangan Penyelidikan
6. Kelulusan Judul Daripada Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar dan Pendidikan
7. Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
8. Pengesahan Menjalankan Kajian Oeh Institut Pengajian Siswazah UPSI
9. Pengesahan Menjalankan Kajian Oleh Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
10. Analisis Statistik Deskriptif
11. Analisis Statistik Inferensi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, tujuan, kepentingan, kerangka konseptual kajian dan batasan kajian. Bab ini juga menjelaskan definisi operasional tentang pengetahuan, kemahiran, amalan profesional, Standard Guru Malaysia dan tenaga pengajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Latar Belakang

Pendidikan teknik dan vokasional (PTV) terdiri daripada dua komponen yang berbeza. Komponen yang terkandung di dalam PTV adalah pendidikan teknikal dan pendidikan vokasional. Pendidikan teknikal adalah pendidikan sebarang bentuk pelajaran yang berbentuk persediaan praktikal, manakala pendidikan vokasional adalah sebahagian daripada pelajaran teknik yang direka khas untuk menyediakan pelajar untuk suatu bidang pekerjaan (Wan Zulkhairi et. Al, 2011).

Sistem pendidikan PTV merupakan salah satu aliran yang diiktiraf sebagai satu sistem yang berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi. PTV juga merupakan langkah untuk menyokong dan mempergiatkan lagi usaha kerajaan bagi memajukan bidang ekonomi negara dan perindustrian berasaskan pengetahuan teknik dan vokasional. Selain itu PTV juga merupakan salah satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran-kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lainnya (Lis Christopher et.al, 2011; Yahya Buntat et.al, 2008).

Tranformasi pendidikan vokasional adalah merupakan salah satu komponen bidang keberhasilan utama Kementerian Pelajaran. Oleh itu, untuk mengarusperdanakan pendidikan vokasional, kurikulum aliran tersebut telah dirombak dan diperkukuhkan supaya mencapai piawai yang memenuhi keperluan pekerjaan dan kehendak pasaran semasa. Bagi mencapai matlamat tersebut satu



transformasi dalam pendidikan vokasional telah diwujudkan (Dewan Rakyat, November 2011).

Pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan transformasi pendidikan vokasional mencapai objektif. Strategi pertama ialah dengan menyediakan kurikulum pendidikan vokasional berasaskan industri iaitu dengan melaksanakan kurikulum Program Pendidikan Asas Vokasional dan Kolej Vokasional. Strategi kedua ialah pembangunan institusi pendidikan terutama sekali tenaga pengajar bagi melahirkan modal insan berkemahiran dalam transformasi pendidikan vokasional. Strategi yang seterusnya ialah dengan mempergiatkan usaha kolaborasi dengan rakan strategik bagi perluasan akses, jamin kualiti dan tingkat kebolehpkerjaan ialah melalui kolaborasi dengan industri. Strategik yang keempat ialah menyediakan mekanisme pentaksiran menjurus kepada pentauliahan dan pengiktirafan yang berasaskan kepada piawai kompetensi vokasional. Strategik kelima ialah memastikan lepasan pendidikan vokasional mendapat pengiktirafan dan artikulasi latihan dan pengajian lanjutan. Strategik terakhir ialah mempertingkatkan daya upaya organisasi pendidikan vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), strategik ini dilaksanakan dengan mewujudkan sektor pendidikan teknikal dan vokasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Hala tuju transformasi pendidikan vokasional adalah untuk mewujudkan pekerja mahir yang bertauliah, pelajar sepanjang hayat, ekonomi pendapatan tinggi usahawan berdaya saing dan modal insan berjati diri. Sasaran negara adalah ingin



mendapatkan seramai-ramainya pekerja mahir menjelang tahun 2020 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Wawasan 2020 adalah aspirasi baru Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri yang maju menjelang tahun 2020. Usaha untuk melaksanakan misi Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu membangunkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. Malaysia memerlukan pendidik yang bukan sahaja mampu memenuhi tuntutan dan cabaran pendidikan di era ini malah mereka akan menjadi wahana dalam membentuk hala tuju aspirasi negara. Usaha untuk membentuk insanmadani, iaitu cemerlang dari segi sahsiah dan ilmu memerlukan sumbangan pendidik yang cemerlang (Hapidah 2001).

Dalam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1988) disebutkan bahawa dasar Pendidikan Kebangsaan Malaysia yang digubal telah menjadi rujukan utama kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia yang berusaha memenuhi aspirasi-aspirasi seperti memperkenalkan dan membangun aspek budaya, sosial, ekonomi dan politik. Aspirasi yang bersifat universal ini telah berusaha untuk meningkatkan keintelektualan, kebudayaan nasional, integriti nasional, sosioekonomi dan pembangunan spiritual di kalangan generasi muda. Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia dilihat begitu penting kepada negara Malaysia kerana keunikan masyarakat majmuknya yang mempunyai pelbagai latar belakang dari aspek pegangan nilai, kesetiaan nasional dan nilai aspirasi. Peranan dan

fungsi golongan pendidik menjadi semakin penting apabila merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara” (KPM, 1988).

Usaha-usaha untuk melahirkan tenaga pengajar yang berkompentensi serta mencukupi untuk keperluan sesebuah negara masih menjadi masalah utama semenjak beberapa dekad yang lalu (Peterson 1987). Tenaga pengajar yang profesional sebenarnya mampu mengangkat martabat dan profesyen, di samping berkompentensi atau berkemampuan melaksanakan tugas dengan cekap dan efisien. Berdasarkan kajian Darling (2000), tenaga pengajar yang profesional mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Di Malaysia, tenaga pengajar berperanan utama bagi melahirkan sumber tenaga mahir ke arah pembangunan negara lebih pesat. Oleh sebab itu, penumpuan yang serius perlu diberikan terhadap program pembangunan pendidikan terutamanya selepas



mencapai kemerdekaan sama ada daripada aspek kuantiti atau kualiti (Jamil 2002; Abdul Ghani 1987; Mahatir 2002).

Untuk merealisasikan hasrat ini, polisi-polisi baharu telah digubal dan diubahsuai demi mencapai pembangunan kualiti dalam pendidikan, salah satunya adalah tentang kompetensi tenaga pengajar. Seiring dengan itu, pelancaran Standard Guru Malaysia (SGM) pada 2 Disember 2009 (Veena Rusli 2009) merupakan satu bukti bahawa betapa kerajaan sangat mengambil berat isu kompetensi dalam kalangan pendidik. Sebelum ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan banyak usaha untuk memastikan hasrat pendidikan negara ini didukung oleh tenaga pengajar yang bermutu dan berkompoten. Misalnya, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon tenaga pengajar, memperkukuh latihan perguruan, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan tenaga pengajar (Standard Guru Malaysia, 2009).

Pada dasarnya, SGM menggariskan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh tenaga pengajar dan keperluan yang patut disediakan dan dilaksanakan oleh agensi dan institusi latihan pertenaga pengajaran bagi membantu tenaga pengajar mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan (Standard Guru Malaysia, 2009).



Keseluruhannya, terdapat tiga standard yang ditekankan dalam SGM. Standard pertama ialah amalan nilai profesionalisme keguruan. Standard ini memperincikan kompetensi amalan nilai profesionalisme keguruan berdasarkan domain diri, profesyen dan sosial yang patut ada pada tenaga pengajar. Standard kedua ialah pengetahuan dan kefahaman yang memperincikan kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum, dan kokurikulum yang patut ada pada tenaga pengajar. Dan yang ketiga ialah kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang patut dikuasai oleh tenaga pengajar.

Apabila diteliti nilai-nilai bagi semua domain dalam standard amalan nilai profesionalisme keguruan (Standard Guru Malaysia, 2009), jelas kelihatan bahawa unsur-unsur keperibadian tenaga pengajar amat dititik beratkan. Misalkan, dalam domain diri terdapat nilai-nilai seperti amanah, berilmu, kasih sayang, sabar, berbudi bahasa, adil, bertimbang rasa, berdaya tahan, berdaya saing, tahan lasak, cergas, aktif, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, semangat suka rela dan efisien. Sementara itu, domain profesyen mengutamakan nilai-nilai seperti berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif dan inovatif. Domain sosial juga menekankan nilai-nilai seperti kemahiran sosial dan semangat bermasyarakat.

Selari dengan itu, Asrorun Ni'am Sholeh (2006), menegaskan bahawa dalam proses pendidikan, tenaga pengajar tidak hanya menjalankan fungsi alih ilmu pengetahuan (*transfer of knowledge*), tetapi juga berfungsi untuk menanamkan nilai

(*values*) serta membangun karakter (*character building*) peserta didik secara berterusan.

Oleh demikian, penekanan terhadap peranan kompetensi tenaga pengajar seperti yang dinyatakan dalam SGM adalah sangat penting dan relevan. Hal ini kerana ciri-ciri peribadi atau kualiti diri tenaga pengajar yang mencakupi personaliti dan tingkah laku yang baik adalah antara ciri yang amat penting bagi melayakkan seseorang tenaga pengajar yang berkesan, berwibawa, dan berketerampilan (Abd Rashid, 2005). Kelemahan ciri-ciri peribadi atau unsur personaliti dan sikap tersebut boleh memberikan kesan buruk ke atas mutu dan keberkesanan pendidikan serta imej pertenaga pengajaran (Hussin, 2004).

1.3 Permasalahan Kajian

Peranan sistem pendidikan dalam sesebuah negara amatlah penting untuk memastikan pembangunan negara. Bagi memastikan sistem pendidikan yang berkualiti dan cemerlang, maka menjadi tanggung jawab tenaga pengajar untuk menyediakan generasi yang berkualiti pada masa akan datang. Ini bertepatan dengan salah satu matlamat KPM iaitu, menyediakan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan kemajuan negara di masa hadapan. Maka, bagi merealisasikan hasrat KPM, sebahagian besar usaha terletak dibahu tenaga pengajar.



Tenaga pengajar bukan hanya harus mempersiapkan para pelajar bagi menghadapi masa depan yang penuh cabaran, malahan, tenaga pengajar juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran, menunjukkan kesungguhan dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha bagi meningkatkan kualiti pelajar yang bakal dihasilkan. Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah membangunkan SGM yang merupakan penanda aras bagi melihat sejauh mana tenaga pengajar telah mencapai kompetensi profesional dalam tiga aspek, iaitu, nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Tenaga pengajar haruslah menguasai ketiga-tiga aspek kompetensi tersebut bagi menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara masa kini dan masa akan datang.



Dalam usaha membantu pelajar untuk memahami idea penting dalam pembelajaran, tenaga pengajar mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang idea tersebut (Grossman & Schoenfeld, 2005). Perkara ini juga didukung oleh oleh penyelidik lain yang menemui hubungan positif antara pengetahuan isi kandungan tenaga pengajar dan pencapaian pelajar (Abell, 2007; Darling. H, 2000). Oleh itu, dalam hal mencapai pengajaran untuk kefahaman pengetahuan isi kandungan tenaga pengajar adalah suatu tuntutan yang mendesak. Malah, terdapat kolerasi yang tinggi antara apa yang diajar dengan apa yang diketahui pelajar. Bagaimanapun, pengetahuan yang mendalam sahaja tidak mencukupi bagi mencapai pengajaran untuk kefahaman. Tenaga pengajar haruslah mentransformasi pengetahuan yang sedia ada kepada bentuk pengetahuan dan pengajaran. Pelajar harus dibekalkan





satu siri aktiviti untuk memberi peluang pelajar belajar di bawah tanggung jawab sendiri dan berakhir dengan terbinanya kefahaman baru bagi para pelajar (Lijnse & Klaassen, 2004). Tanggungjawab ini sangat berat kerana pelajar tidak semudahnya menerima dan menyalin semua maklumat yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Selain daripada pengetahuan isi kandungan, tenaga pengajar mestilah mengetahui tentang pengetahuan sedia ada pelajar untuk membolehkan tenaga pengajar melihat masalah pelajar dan dapat membantu pelajar tersebut (Lijnse & Klaassen, 2004).

Memandangkan tugas tenaga pengajar pada hari ini sangat mencabar, mampukah tenaga pengajar kolej Vokasioanl dan Sekolah Menengah Teknik dapat mencapai standard yang ditetapkan oleh KPM. Disisi lain dengan cabaran ini timbul perkara yang boleh mengurangi tahap kompetensi tenaga pengajar itu sendiri, contohnya adalah seperti kesediaan tenaga pengajar dalam menyiapkan pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan. Yahaya Azizi & Siew (2007), mengatakan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar dalam sesuatu bidang masih dalam peringkat kajian dan penerokaan. Rata-rata pendidik berpendapat bahawa pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang penting dalam keberkesanan pengajaran seseorang tenaga pengajar. Mata pelajaran Kejuruteraan Awam sangat memerlukan pengetahuan dan juga kemahiran terutamanya dalam mengendalikan peralatan dalam bengkel. Namun begitu sekadar adanya kemahiran dan pengetahuan masih tidak memadai dalam menjalankan proses pengajaran dengan berkesan. Oleh itu personaliti tenaga pengajar tersebut adalah sangat penting dalam memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran ini. Persediaan tenaga pengajar merupakan satu

